

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

**HMT 229 – LINGUISTIK SEJARAH DAN PERBANDINGAN  
BAHASA ASTRONESIA**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Jawab EMPAT soalan, iaitu mana-mana DUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

Tulis nombor 1 hingga 6 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

... 2/-

- 2 -

Bahagian A

Jawab DUA soalan.

1. Pulau Borneo merupakan salah satu tempat yang disebut sebagai tanah asal bangsa Austronesia dan di sinilah terdapatnya ratusan bahasa dan dialek daripada rumpun Austronesia. Di pulau Borneo hubungan antara bahasa Banjar dan Iban dengan bahasa Melayu sering diperdebatkan, begitu juga sejarah migrasi bangsa Melayu Brunei dan bangsa Melayu Sarawak.

Berdasarkan pernyataan di atas jawab soalan [a] dan [b]:

- [a] Cense dan Uhlenbeck (1958) mengkategorikan bahasa Banjar dan bahasa Iban di bawah kumpulan dialek Melayu. Ada ahli bahasa Austronesia seperti Hudson (1970) tidak bersetuju dengan pendapat Cense dan Uhlenbeck (1958). Bincangkan.

[50 markah]

- [b] Apakah yang dimaksudkan oleh Blust dengan migrasi semula (*back migration*) yang berlaku di pulau Borneo? Bincangkan.

[50 markah]

2. Rumpun Bahasa Austronesia diwakili oleh hampir 2,000 bahasa dan mempunyai kawasan penyebaran yang luas, iaitu Formosa (Taiwan) di sebelah utara, New Zealand di sebelah selatan, Madagaskar di sebelah barat, dan Kepulauan Easter di sebelah timur.

- [a] Huraikan dua teori yang berkaitan dengan asal usul bangsa Austronesia yang tersebar luas ini.

[60 markah]

- [b] Terangkan perkaitan bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa lain dalam rumpun Austronesia.

[40 markah]

...3/-

3. Teliti **Data 1** berikut dan jawab soalan [a], [b] dan [c].

<b>Data 1</b>						
	ber-	%	per-	%	memper-	%
Abad 17	126	76%	39	24%	0	0%
Abad 18	34	72%	13	28%	0	0%
Abad 19 hingga 1856	96	33%	192	65%	6	2%
Abad 19 selepas 1856	35	26%	46	35%	52	39%
Abad 20 sehingga 1930	15	30%	8	16%	27	54%
Abad 20 selepas 1930	0	0%	0	0%	18	100%
						Jumlah
						165
						47
						294
						133
						50
						18

Sumber: Diubah suai daripada Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin (2005: 80)

[a] Bagaimanakah fungsi gramatis ragam aktif bahasa Melayu berubah dari abad ke-17 hingga abad ke-20?

[50 markah]

[b] Apakah peranan tujuh [7] kata dasar bagi memperkuat daptan di atas?

[30 markah]

[c] Apakah faktor yang mempengaruhi perubahan di dalam [a] tersebut?

[20 markah]

## Bahagian B

Jawab DUA soalan.

4. Bandingkan ciri-ciri kaedah rekonstruksi luaran dengan rekonstruksi dalam danuraikan persamaan dan perbezaan kedua-dua kaedah ini.

[100 markah]

5. Teliti **Data 2** berikut dan jawab soalan [a], [b] dan [c].

<b>Data 2</b>		
Bil.	Bahasa Austronesia Purba	Bahasa Bintulu Baie/Segan
i	*abu	abau
ii	*at'u	asau
iii	*bulu	bulau
iv	*bu'uk	bok
v	*d'antung	jantung
vi	*tanduk	tandok
vii	*aku	akau
viii	*gunung	gunung
ix	*igung/ugung	ughung

Sumber: Noriah Mohamed (2004: 62-63)

- [a] Deskripsikan perubahan bersyarat yang berlaku terhadap huruf vokal *u* bahasa Bintulu Baie/Segan di dalam **Data 2**.

[60 markah]

- [b] Apakah maksud perubahan bersyarat dalam konteks perubahan huruf vokal *u* di atas?

[20 markah]

- [c] Apakah bentuk pewarisan huruf vokal *u* di dalam i, ii, iii, dan vii?

[20 markah]

...5/-

6. Teliti **Data 3** yang berikut dan jawab soalan [a] dan [b].

<b>Data 3</b>							
Bil.	Bahasa Austronesia purba	Bahasa Melayu	Bahasa Bukit	Bahasa Bisaya	Bahasa Kelabit	Bahasa Bintulu	Bahasa Kadayan
i	*darah	darah	dak	khak	darah	khak	da
ii	*baru	baru	bauh	agu	beruh	vau	bahauk
iii	*(t)elur	telur	talo	-	terur	telo	talo
iv	*danger	dengar	kelingo	khehungau	ninger	kekhenga	danga

Sumber: Dipetik secara rawak daripada Noriah Mohamed (2004)

- [a] Bandingkan kosa kata bahasa Austronesia purba dengan kosa kata enam bahasa di dalam **Data 3**. Kenal pasti perubahan yang berlaku terhadap fonem proto \*/r/ bahasa Austronesia purba di lingkungan awal dan akhir suku kata di dalam enam bahasa yang dibandingkan.

[70 markah]

- [b] Kelompokkan enam bahasa yang dibandingkan ke dalam kelompok masing-masing berdasarkan kemiripan atau kesamaan perubahan fonem proto \*/r/ bahasa Austronesia purba tersebut.

[30 markah]